

**SUKAN MALAYSIA IX 2002**  
**PERATURAN PERTANDINGAN LAWAN PEDANG**  
**(LELAKI DAN PEREMPUAN)**

**1.0 PERATURAN AM**

- 1.1 Selain daripada peraturan-peraturan terkandung, pertandingan ini dijalankan mengikut Peraturan **Persekutuan Lawan Pedang Antarabangsa (FIE)** dan **Persekutuan Lawan Pedang Malaysia (MFF)**.
- 1.2 Sekiranya timbul sebarang perselisihan dari segi pentafsirannya, maka undang-undang dalam Bahasa Inggeris akan dipatuhi.
  - 1.2.1 Kejadian di luar dugaan dan tidak dinyatakan dalam peraturan berkenaan akan diputuskan seperti berikut:-
  - 1.2.2 Semua kejadian am akan diputuskan berasas kepada **PERATURAN AM SUKAN MALAYSIA IX, 2002**.
- 1.3 Sebarang persoalan teknikal akan diputuskan berasas kepada undang-undang **Pertubuhan Persekutuan Lawan Pedang Antarabangsa (FIE)**.
- 1.4 Semua keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Lawan Pedang Sukan Malaysia IX, 2002 adalah muktamad.

**2.0 TARIKH PERTANDINGAN**

08 Sept hingga 13 Sept, 2002.

**3.0 TEMPAT PERTANDINGAN**

Dewan Saadah, Wisma MUIS,  
Kota kinabalu,  
Sabah.

#### 4.0 PENYERTAAN

- 4.1 Penyertaan adalah terbuka kepada semua pasukan Negeri, Universiti-Universiti Malaysia (MASUM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia (MSSM) dan Negara Brunei Darussalam. Penyertaan hendaklah dibuat melalui Majlis Sukan masing-masing.
- 4.2 Setiap pasukan negeri, Universiti-Universiti Malaysia (MASUM) boleh mendaftarkan Dua (2) orang setiap acara seperti berikut :-

Pengurus Pasukan	1 orang
Jurulatih	2 orang
Pengadil	1 orang
Peserta	12 orang
	-----
<b>Jumlah</b>	<b>16 orang</b>
	=====

- 4.3 Pengadil mestilah yang telah disahkan dan dipersetujui oleh MFF.

#### 5.0 KELAYAKAN PESERTA

- 5.1 Hanya peserta yang lahir pada tahun 1981 dan selepasnya sahaja layak didaftarkan oleh sesuatu pasukan.
- 5.2 Semua pasukan hendaklah mengemukakan dua (2) salinan Kad Pengenalan dan tiga (3) keping gambar berukuran pasport antarabangsa. Semua peserta yang menggunakan dokumen pendaftaran JPN 1/9 atau JPN 1/11 mestilah disahkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara, Petaling Jaya sahaja.
- 5.3 Hanya peserta yang berdaftar dengan yuran sebanyak RM 20.00 seorang mengikut Peraturan Am 6.2 sahaja layak menyertai pertandingan ini. Jika didapati seseorang peserta telah didaftarkan oleh lebih daripada satu (1) pasukan negeri, pengesahan bertulis daripada peserta berkenaan adalah penting bagi menyokong pendaftaran pasukan yang akan

disertainya kecuali anggota Angkatan Tentera Malaysia yang perlu mendapatkan kelulusan Majlis Angkatan Tentera.

- 5.4 Peserta-peserta gantian yang dikemukakan selepas tarikh tutup pendaftaran/semasa taklimat Pengurus Pasukan akan dikenakan yuran pendaftaran sebanyak RM20.00 seorang. Gantian peserta hanya boleh dilakukan kepada peserta yang didaftarkan sebelum tarikh tutup pendaftaran. Semua yuran pendaftaran tidak akan dikembalikan.
- 5.5 Tertakluk kepada Peraturan Am perkara 20.7, peserta yang berkhidmat dengan PDRM serta pelajar-pelajar yang sedang menuntut di pusat Pengajian Tinggi bergabung dengan MASUM tidak boleh mewakili mana-mana kontinjen/negeri kecuali mendapat kebenaran bertulis daripada Majlis Sukan berkenaan.
- 5.6 Atlet-atlet yang sedang menuntut di pusat-pusat Pengajian Tinggi yang mendapat tajaan daripada Kerajaan Negeri hendaklah dibenarkan mewakili negeri yang menaja mereka.
- 5.7 Seseorang peserta kebangsaan hanya dibenarkan menyertai seperti mengikut Peraturan Am Perkara 4.6.

## **6.0 TAKLIMAT PENGURUS PASUKAN**

- 6.1 Taklimat Pengurus Pasukan akan diadakan satu (1) hari sebelum pertandingan pertama dijalankan.
- 6.2 Pertukaran nama pemain yang telah didaftarkan semasa taklimat. Selepas taklimat tersebut, sebarang permintaan pertukaran nama peserta tidak dibenarkan.

## **7.0 PAKAIAN**

- 7.1 Setiap peserta hendaklah memakai pakaian rasmi lawan pedang yang tertakluk di bawah undang-undang FIE.
- 7.2 Para pengadil dan pegawai teknikal hendaklah berpakaian kemas atau berpakaian seragam.
- 7.3 Peserta hendaklah memakai tanda nombor peserta di tepi "mask" atau penutup muka.
- 7.4 Ketua pegawai teknikal berhak melarang mana-mana peserta yang tidak mengikut peraturan dari pada mengambil bahagian.

## **8.0 ACARA**

- 8.1 Acara yang dipertandingkan :-

Foil	Individu	Lelaki
Epee	Individu	Lelaki
Sabre	Individu	Lelaki
Foil	Individu	Wanita
Epee	Individu	Wanita
Sabre	Individu	Wanita

- 8.2 Setiap negeri hanya dua (2) peserta untuk setiap acara. Satu (1) peserta dibenarkan mengambil dua acara.

## **9.0 PENGGUNAAN DADAH**

- 9.1 Menggunakan sebarang dadah, alcohol, ubat peransang atau suntikan ke dalam bahagian badan sama ada sebelum atau ketika pertandingan, kepada atau oleh peserta adalah dilarang sama sekali. Setiap peserta yang melanggar undang-undang akan dibatalkan daripada mengambil bahagian.

## **10.0 SISTEM PERTANDINGAN**

- 10.1 Pertandingan akan dijalankan mengikut sistem peraturan FIE.
- 10.2 Pusingan pertama mengandungi sekumpulan lima (5) atau enam (6) peserta setiap kumpulan bertanding selama 4 minit atau mendapat lima (5) point. Ini diikuti dengan pusingan eliminasi mengambil kira lima belas (15) point dalam masa lima belas mint yang akan memberi satu minit rehat selepas bermain selama tiga (3) minit. Selepas itu di pusingan separuh akhir yang mengambil masa lima belas (15) minit dan disusuli dengan pertandingan akhir selama lima belas (15) minit.

## **11.0 PENGADIL/HAKIM**

- 11.1 Setiap pasukan dikehendaki membawa seorang (1) Pengadil bersama-sama pasukannya setelah dipersetujui oleh Persekutuan Lawan Pedang Malaysia.
- 11.2 Pengarah Pertandingan dan Delegat Teknikal akan dilantik oleh Persekutuan Lawan Pedang Malaysia yang akan berhubung terus dengan Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan SUKMA IX, 2002.

## 12.0 HADIAH

12.1 Pingat –pingat kemenangan akan disediakan seperti berikut :-

<b>Acara</b>	<b>Emas</b>	<b>Perak</b>	<b>Gangsa</b>
Foil Lelaki	1	1	2
Foil Lelaki Berpasukan	1	1	2
Foil Wanita	1	1	2
Foil Wanita Berpasukan	1	1	2
Epee Lelaki	1	1	2
Epee Lelaki Berpasukan	1	1	2
Epee Wanita	1	1	2
Epee Wanita Berpasukan	1	1	2
Sabre Lelaki	1	1	2
Sabre Lelaki Berpasukan	1	1	2
Sabre Wanita	1	1	2
Sabre Wanita Berpasukan	1	1	2
<b>Jumlah</b>	<b>12</b>	<b>12</b>	<b>24</b>

Disediakan Oleh :-

Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan  
SUKAN MALAYSIA IX, 2002  
peraturan am sukma 2002-lawanpedang-310301/azhar